

07/11/2001

Pemimpin Pas terpaksa jilat air ludah sendiri

Azhar Abu Samah

SELEPAS puas menuduh kerajaan yang diterajui Barisan Nasional (BN) di Terengganu sebelum ini dengan pelbagai gelaran jijik dan memalukan dalam soal balak, kerajaan pimpinan Pas Terengganu yang diterajui Datuk Seri Abdul Hadi Awang, kini terpaksa menjilat ludah sendiri selepas hampir dua tahun merampas pimpinan negeri pada pilihan raya umum 1999 lalu.

Nawaitu Pas dalam soal perhutanan dan perkayuan yang dijaja dalam manifesto 'Membangun Bersama Islam' yang disediakan Pesuruhjaya Pas negeri ketika itu, Abdul Hadi yang kini Menteri Besar Terengganu cukup menggambarkan pimpinan Pas Terengganu ke arah pentadbiran Islam - amal makruf nahi mungkar - yang tiada cacat-celanya, lebih-lebih lagi membabitkan soal rasuah, diskriminasi, double standard dan mahu memastikan peluang memegang kuasa bukan untuk mencari kekayaan.

Fasal 11 manifesto itu menggariskan empat perkara mengenai perhutanan dan perkayuan iaitu:

- * Mengawal pembalakan dan pemuliharaan hutan dan memastikan kawasan tadahan hujan dan alam sekitar terjaga;
- * Menurunkan harga kayu bagi pasaran tempatan dan mengadakan dasar eksport terpilih dengan menumpukan industri hiliran perkayuan (barangan kayu siap);
- * Mengamalkan sistem tender terbuka dalam pemberian kawasan balak; dan
- * Lesen pembalakan akan disemak dan industri perkayuan akan disusun semula bagi mengawal pembaziran, menjaga pengeluaran produk bermutu dan memberi pulangan yang tinggi.

Hakikatnya, manifesto hanyalah manifesto dan apabila sudah berkuasa pentadbiran Islam hanyalah sekadar gimik politik untuk mendapatkan sokongan untuk berkuasa. Kini, kepemimpinan Pas negeri terpaksa menjilat air ludah sendiri kerana ia sendiri mengamalkan pendekatan kerajaan terdahulu yang didakwa tidak Islamik. Dengan bahasa kasar, cakap tidak serupa bikin.

Kerakusan kerajaan yang ada terserlah selepas didakwa memusnahkan hutan simpan kekal bagi mendapatkan balak, termasuk 4,000 hektar di Sungai Paka, Mukim Besol, Dungun. Itu tidak termasuk beribu-ribu hektar lagi kawasan balak yang sudah dilulus atau dianugerahkan untuk diagihkan kepada kroni Pas di beberapa kawasan lain di negeri itu. Mengikut laporan Umno.online, kerajaan Pas Terengganu turut meluluskan kawasan balak di kawasan Hutan Simpan Kekal kepada syarikat milik mereka yang rapat dengan pucuk pimpinan parti itu.

Hakikatnya, beberapa tindakan dan amalan kerajaan negeri pimpinan Pas Terengganu sekarang amat bercanggah dengan manifesto pilihan raya umum 1999 parti itu kerana tawaran konsesi pembahagian kawasan pembalakan dibuat secara 'anugerah' dengan tidak mengikut prosedur tender, selain pembahagian kawasan pembalakan dibuat secara sesuka hati yang bercanggah dengan etika pengurusan perhutanan yang ditetapkan oleh kerajaan seperti tebangan terkawal dan rawatan pemuliharaan bersistem dan tawaran semula, sebagaimana diperuntukkan dalam Akta Alam Sekitar.

Mengikut perangkaan kerajaan negeri Terengganu, hampir dua juta ekar atau 62 peratus keluasan negeri itu adalah hutan yang mempunyai kayu bernilai komersial. Daripada jumlah itu 1.2 juta ekar sudah diwartakan untuk tujuan pembalakan yang membabitkan pengeluaran balak kira-kira 1.3 juta meter padu setahun.

Ketika memulangkan paku buah keras kepada kepemimpinan Pas Terengganu

mengenai kerakusan mereka meluluskan kawasan hutan simpan kekal untuk pembalakan, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan ia tindakan tidak bertanggungjawab.

Sambil membidas kerajaan Pas yang lebih mengutamakan pendapatan perniagaan sehingga banyak kerosakan berlaku kepada sumber alam itu, beliau berkata, sewajarnya jika ada pembalakan sekalipun, pihak terbabit hendaklah memastikan jumlah balak yang ditebang dihadkan, bukan menggondolkan kawasan hutan.

"Kita tentukan kalau ada pembalakan pun, dalam satu ekar tanah kita tak bagi potong lebih enam atau lapan pokok. Tetapi setengah itu, "bersih" (digondolkan), dia buang semua. Cuci mangkuk itu boleh, tetapi tinggallah juga," katanya.

Tanpa mahu menyebut perkataan yang dijaja Pas seperti nepotisme atau kronisme ke seluruh negara apabila membabitkan individu sama ada Umno atau mempunyai hubungan keluarga dalam soal perniagaan atau pemberian kontrak kerajaan, Dr Mahathir berkata, kerajaan Pusat sudah mengetahui tindakan kerajaan Terengganu menganugerahkan kawasan konsesi balak kepada syarikat milik mereka yang rapat dengan pemimpin Pas.

Sebelum ini, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pimpinan Pas yang dipengerusikan Abdul Hadi bersetuju meluluskan secara dasar permohonan sebuah syarikat yang ada kaitan dengan pemimpin Pas pada 15 November tahun lalu iaitu kira-kira tujuh bulan selepas syarikat itu didaftarkan. Mesyuarat itu dikatakan memutuskan supaya Pengarah Perhutanan Negeri mengambil tindakan untuk membatalkan warta kawasan hutan simpan kekal berkenaan.

Malah, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Petroleum, Perindustrian dan Sumber Manusia negeri, Datuk Mustafa Ali pada 22 September lalu dilaporkan mengakui kelulusan kawasan balak itu dibuat dengan alasan menjalankan projek perladangan kelapa sawit dan ternakan lembu.

Tidak dinafikan kerajaan negeri mempunyai kuasa mutlak untuk memajukan mana-mana kawasan dalam hutan simpan kekalnya bagi tujuan pembangunan ekonomi yang memanfaatkan negeri dan penduduknya, selaras dengan peruntukan dalam Akta Hutan Negara 1984 yang memberi kuasa penuh kepada kerajaan negeri untuk menguruskan hutan simpan kekalnya, tanpa perlu membabitkan kerajaan Persekutuan.

Ia sendiri diakui Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan, Datuk Zul Mukhshar Md Shaari bahawa Seksyen 11 akta berkenaan dengan jelas membenarkan pihak berkuasa negeri untuk membangunkan mana-mana kawasan dalam hutan simpannya, berdasarkan keputusan dan kelulusan kerajaan negeri.

Ini bermakna, peruntukan itu menyebut pihak berkuasa negeri boleh mengeluarkan mana-mana kawasan tanah dalam hutan simpan kekal jika kawasan itu tidak lagi diperlukan bagi maksud dikelaskan mengikut Seksyen 10 atau kawasan itu diperlukan untuk pembangunan ekonomi yang lebih tinggi daripada yang dilakukan sekarang.

Persoalan sama ada tindakan memberi kelulusan untuk pembalakan itu betul atau tidak bukanlah isu sebenar. Soal sebenar ialah isu kroni yang dihebohkan oleh parti pembangkang sama ada sebelum atau selepas pilihan raya umum 1999. Hakikatnya, sudah jelas 'ayam berkokok berderai-derai, ekornya bergelumang tahi' dan dalam kes ini sudah terpalit tahi ke muka pimpinan Pas apabila terbongkarnya isu kelulusan tanah hutan simpan kekal seluas 4,000 hektar di Sungai Paka, Mukim Besol, Dungun, Terengganu.

Susulan maklumat yang mulanya didedahkan menerusi laman web Umno.online, memaksa Kerajaan Pas Terengganu membuat pengakuan memberi kelulusan kawasan itu kepada syarikat North East Plantations Sdn Bhd, sekali gus menyerlahkan nama pemegang saham terbesarnya iaitu Pengarah Urusan Harakah, Datuk Hishamudin Yahya, sekutu rapat pimpinan Pas sama ada di

Terengganu atau pun pucuk pimpinan tertinggi Pas.

Walau apa pun alasan kelulusan tanah itu, sudah terbukti Pas memberikannya kepada orang yang rapat dengan pucuk pimpinan parti itu, apatah lagi kepada seseorang yang mempunyai kuasa ke atas sebuah media yang menjadi lidah rasmi parti itu.

Sekali lagi sandiwara Pas dibongkarkan. Rakyat sudah boleh menilai betapa hebatnya lakonan pimpinan Pas setelah diberi peluang memerintah Terengganu. Walau apa pun alasan Pas untuk menghalalkan tindakannya itu, lama kelamaan tembelangnya akan pecah jua seperti kata pepatah, bangkai gajah tidak boleh ditudung dengan nyiru.

Rakyat ingin tahu rasional kerajaan negeri Terengganu meluluskan tanah berkenaan kepada syarikat berkenaan, apatah lagi ia membabitkan kawasan hutan simpan kekal yang mampu menghasilkan balak bernilai RM200 juta, selain berfungsi untuk mengekalkan ekosistem alam.

Kini sudah sampai masa, kepemimpinan Pas mengakui pentadbirannya tidak telus, mengamalkan unsur kronisme, menindas dan pelbagai lagi perbuatan jelek kerana segalanya sudah terserlah ketika ia mula mengambil alih pentadbiran Terengganu sejak daripada mula lagi.

Budaya mencabar oleh Ketua Dewan Pemuda Pas, Mahfuz Omar yang mahu kerajaan Pusat mengemukakan bukti serta membuat laporan polis dan Badan Pencegah Rasuah jika berlaku penyelewengan dalam meluluskan 4,000 hektar tanah di hutan simpan kekal Sungai Paka, Mukim Besol, Dungun hanyalah satu daripada sandiwara yang mahu menegakkan benang basah kepemimpinan parti itu yang dari sehari ke sehari mula direlaikan satu persatu.

(END)